

09/02/1998

Utamakan perpaduan parti

YAN, Ahad - Badan Perhubungan Umno negeri berpendapat ahli Umno patut mengorbankan kepentingan mereka demi menjaga perpaduan di kalangan ahli parti.

Ketua Penerangannya, Datuk Badruddin Amiruldin, berkata tindakan itu perlu sebagai penghargaan ahli Umno kepada Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang bertungkus lumus menyelesaikan kegawatan ekonomi negara.

"Perdana Menteri kita sibuk mengatur pertemuan dengan pemimpin luar negara untuk mengatur pelbagai strategi bagi memulihkan semula ekonomi dirantau ini.

"Tetapi, pada masa yang sama ahli Umno bercakaran sesama sendiri semata-mata bagi merebut jawatan di peringkat bahagian," katanya ketika ditemui di rumah terbuka Aidilfitri anjuran Umno Bahagian Yan, di sini petang semalam.

Badruddin yang juga Ketua Umno bahagian ini berkata, pihaknya berharap ahli parti mengikut nasihat Dr Mahathir supaya tidak ada pertandingan bagi merebut jawatan ketua bahagian.

(END)